



Onn dorong kebangkitan nasionalisme

Kejayaan satukan pertubuhan Melayu halang penubuhan Malayan Union

BH-4/5/2006

Oleh Mohd Zin Ali

SEORANG tokoh yang mempunyai peranan penting dalam mengasaskan penubuhan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Umno) ialah Datuk Onn Jaafar yang dilahirkan di Johor Bahru, Johor pada 1895, juga anak Menteri Besar pertama, Datuk Jaafar Muhammad.

Onn mengikuti pelajaran peringkat rendah di England dari 1902 hingga 1909 kemudian di Maktub Melayu Kuala Kangsar (MCKK) dari 1909 hingga 1911.

Selepas menamatkan pengajian di MCKK, Onn berkhidmat di beberapa agensi kerajaan di Johor sebelum menyertai Johore Military Force (JMF) pada 1917.

Beliau seorang yang bersikap tegas dan tidak mudah mematuhi kehendak mahupun perintah yang dirasakan menindas orang lain. Onn berani membuat kritikan ke atas pegawai British walaupun beliau hanya seorang pegawai muda pada masa itu.

Onn juga pernah bekerja sebagai pengarang di beberapa akhbar seperti *Warta Melayu*, *Lembaga Melayu* dan *Lembaga* di Singapura.

Sepanjang pembabitannya dalam kewartawanan, Onn tidak henti-henti menjadikan masyarakat sebagai bahan tulisan meliputi pelbagai aspek daripada soal kelemahan pelajaran sehinggalah kepada soal pelacuran di kalangan orang Melayu.

Pada 1946, Onn dipanggil pulang ke Johor kerana jasanya menulis buku *Selamat Johor*.

Peranan Onn sebagai pendorong kebangkitan nasionalisme Melayu pada 1930-an cukup menyeluruh. Tulisannya menyentuh pelbagai bidang sama ada politik, ekonomi, pendidikan, budaya Melayu dan ancaman orang dagang terhadap ekonomi dan politik orang Melayu.

Onn memperlihatkan kemampuan dirinya sebagai seorang reformis serta pengkritik sosial dan politik orang Melayu yang cukup lantang.

Kepimpinan beliau benar-benar teruji selepas pendudukan Jepun. Sebagai Pegawai Daerah, Onn berjaya mendamaikan konflik penduduk Melayu dan Cina di Batu Pahat antara perbuatan jahat Parti Komunis Melayu.

Keunggulan Onn sebagai pemimpin kebangsaan Melayu amat ketara apabila gagasan Malayan Union diperkenalkan penjajah British pada 1946.

Melalui Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) yang ditubuhkan pada Januari 1946, beliau dapat menyatukan orang Melayu di Batu

Pahat yang tertekan akibat keganasan komunis atau kumpulan Bintang Tiga.

Bagaimanapun, hasrat sebenarnya ialah untuk menyatukan orang Melayu Semenanjung bagi melahirkan perpaduan kebangsaan seluruh Tanah Melayu.

Atas inisiatif yang dipelopori Onn dan disertai seluruh pertubuhan dan kesatuan, Kongres Melayu Seluruh Malaya diadakan pada 1 hingga 4 Mac di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Kongres itu untuk membincangkan penubuhan sebuah pertubuhan politik peringkat kebangsaan dan tindakan untuk menentang rancangan Malayan Union.

Onn dipilih sebagai pengerusi dengan sebulat suara. Dalam ucapannya, Onn berjaya membangkitkan semangat perjuangan bangsa dan negara dalam satu barisan padu tanpa memikirkan soal kenegerian khususnya untuk menggagalkan penubuhan Malayan Union dan menebus maruah bangsa.

Tindakan selanjutnya, Onn mengadakan Kongres Melayu Seluruh Tanah Malaya Kedua khususnya untuk membuat tindakan segera memulaukan penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946.

Kongres kedua ini berjaya melahirkan perpaduan Melayu Semenanjung apabila raja Melayu turut membantah Malayan Union dengan memulaukan majlis penubuhannya.

Ini diikuti segera dengan Kongres Ketiga di Johor Bahru. Peristiwa yang berlangsung di Istana Besar Johor pada 11 Mei 1946 itu penuh bersejarah bagi rakyat Johor dan bangsa Melayu.


Pada hari berkenaan lahir secara rasmi Umno dengan Onn dipilih menjadi Yang Dipertua Umno dengan sebulat suara.

Sebagai sebuah pertubuhan politik, matlamat Umno ialah untuk menyatukan orang Melayu seluruh Semenanjung menentang dan menggagalkan Malayan Union.

Ini adalah cita-cita dan harapan asal Onn ketika beliau menubuhkan PMSJ di Batu Pahat pada 3 Januari 1946 di pekarangan Masjid Jamek Batu Pahat.

Umno juga diharap untuk menjaga kepentingan dan hak istimewa orang Melayu, memajukan orang Melayu dalam semua bidang, mempertahankan agama Islam dan adat orang Melayu, memelihara kedaulatan sultan Melayu seterusnya menjamin kebebasan asasi rakyat dan mewujudkan kebudayaan kebangsaan berteraskan kebudayaan Melayu.

Onn juga bersedia bersusah payah sehingga menjadi pemandu kepada rombongan dua orang Ahli Parlimen



BAHAN SEJARAH: Gambar Onn Jaafar yang diambil pada tahun 1917 bersama anak sulungnya Hawa, yang ketika itu berusia 3 tahun.

British iaitu LD Grammans dari parti Konservatif dan Rēs William dari parti Buruh yang hadir ke Tanah Melayu untuk melihat sendiri kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union.

Beliau berbuat demikian supaya rombongan berkenaan mendapat pendedahan yang sebenar mengenai hasrat orang Melayu pada masa itu dan untuk meraih simpati rombongan berkenaan.

Dengan menaiki kereta, Onn dan rombongan ahli Parlimen berkenaan menyusur pekan penting Tanah Melayu dari selatan ke utara dengan berhenti di mana saja ada perhim-

punan orang Melayu.

Kesungguhan Onn dan orang Melayu yang menjalankan demonstrasi akhirnya membuahkan hasil apabila Grammans dalam perbincangan dalam House of Commons pada Julai 1946 mendesak kerajaan British supaya mengadakan satu perjanjian baru untuk menggantikan Malayan Union.

Selain itu, Onn juga bijak apabila mencadangkan Umno menggunakan seorang peguam, R Braddie untuk membela Umno dan menentang Malayan Union. Braddie menjadi peguam Umno dalam perundingan dengan kerajaan British dari 1946 se-

hingga 1948.

R Braddie adalah bekas peguam negeri Johor pada 1930-an yang dikenalnya dengan rapat. Onn mempercayai Braddie kerana bukannya, *The Legal Status of Malay States* yang ditulis pada 1931 menunjukkan simpatinya kepada kedudukan negeri-negeri Melayu daripada segi perundangan.

Onn juga pandai menggunakan taktik supaya kerajaan British bekerjasama dengan orang Melayu dan Umno sehingga dilantik dalam satu Jawatankuasa Kerja dalam menderaf satu perlembagaan baru bagi menggantikan Malayan Union apabila membuat pengesahan mengenai adanya kegiatan pemuda Melayu yang condong kepada Indonesia di Batu Pahat, Johor.

Ancaman yang dinyatakan Onn dianggap munasabah oleh Inggeris kerana Angkatan Pemuda Insaf yang ditubuhkan pada Februari 1946 di bawah pimpinan Ahmad Boestamam sebagai sayap kanan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), ialah satu contoh gerakan radikal orang Melayu yang mirip kepada Revolusi Indonesia.

Bagi Inggeris, kerjasama orang Melayu sangat penting dalam pentadbiran dan angkatan bersenjata Tanah Melayu. Kerajaan Inggeris juga tidak mahu lahirnya satu keadaan politik yang tidak terkawal di Tanah Melayu yang boleh membahayakan kepentingan ekonomi Inggeris.

Walaupun Inggeris mengikuti kehendak Onn, tidak berarti beliau mengikuti semua kehendak Inggeris. Dalam soal kerakyatan, beliau membuat sumpah taat setia rakyat Persekutuan ditujukan kepada Raja England.

Baginya, tindakan itu bererti negeri-negeri Melayu adalah jajahan takluk Britain. Rakyat negeri-negeri Melayu adalah rakyat raja Melayu. Maka raja Melayu sepatutnya menerima kesetiaan rakyatnya.

Onn juga bertegas menyatakan tidak setuju apabila Setiausaha Agung Gabenor Asia Tenggara, Sir Ralph Hones mahukan kerakyatan Persekutuan berdasarkan kepada sesiapa saja yang mengaku taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu sebagai tanah airnya dalam perbincangan pada 20 November 1946.

Baginya, ia tiada beza dengan kerakyatan dalam Malayan Union. Bagaimanapun, selepas perbincangan hangat selama satu jam, Umno dan raja Melayu akhirnya mengambil jalan tengah dengan menerima orang bukan Melayu sebagai rakyat Persekutuan dengan syarat ketat manakala Inggeris pula menerima kerakyatan Jus Soli bagi orang Melayu saja.



PEMIMPIN AWAL: Datuk Jaafar Muhammad bapa Datuk Onn Jaafar.

Cadangan buka keahlian kepada bukan Melayu

PADA Jun 1951, Datuk Onn Jaafar mencadangkan keahlian Umno dibuka kepada orang bukan Melayu dengan nama Umno menjadi United Malayan National Organisation atau Pertubuhan Kebangsaan Tanah Melayu Bersatu.

Banyak sebab mengapa cadangan ini ditimbulkan Onn.

Pertama, Onn sebagai pemimpin Melayu melihat perubahan baru politik Tanah Melayu dan ingin supaya Umno terus memainkan peranan sebagai pemimpin politik Tanah Melayu.

Kedua, beliau juga ingin menyekat penubuhan parti politik bukan Melayu yang kuat dan boleh mencabar Umno. Ini kerana Penubuhan Persekutuan Cina Malaya (MCA) pada pertengahan 1949 bertindak sebagai badan sosial membantu orang Cina di penempatan baru dan untuk mengikis imej orang Cina sebagai penyokong Parti Komunis Melayu.

Keadaan ini membimbangkan Onn kerana beliau melihat MCA yang menjadi satu tenaga politik bagi orang Cina di bawah pimpinan Tan Cheng Lok boleh mencabar Umno. Dengan membuka Umno kepada bukan Melayu, MCA dapat ditandingi.

Ketiga, Onn mahu orang Melayu bersikap terbuka dan menerima pendekatan baru dalam politik Tanah Melayu iaitu politik yang bersifat Malayan. Sebagai 'orang dalam' dalam pentadbiran kolonial Inggeris, beliau dapat melihat dengan jelas dasar Inggeris untuk meMalayankan Tanah Melayu dalam semua aspek.

Mengikuti jangkauan Onn, orang Melayu akan terpencil dalam arus pembangunan ekonomi penjahaj jika tidak bersedia untuk bersikap terbuka dan menerima pendekatan itu.

Bagaimanapun, orang Melayu yang masih bersikap tertutup menolak idea Onn dan tidak mahu melihat Umno sebagai parti orang Melayu dikongsi dengan orang lain.

Bagi Onn, dengan membenarkan orang bukan Melayu memasuki Umno, satu proses pembudayaan politik akan dapat dilaksanakan ke atas mereka.

Tradisi Melayu yang menyelubungi Umno akan dapat dipindahkan kepada mereka melalui pergaulan mereka dengan ahli Umno, prosedur mesyuarat dan lain-lain perkara yang menjadi kebiasaan Umno.

Dengan itu, mereka akan wujud sebagai ahli Umno yang berbudaya Melayu dari segi politik dan semangatnya. Malah, segala keputusan Umno akan diputuskan bersama oleh pelbagai bangsa yang menjadi ahli.

Onn berpendapat cara itu menjadikan Umno bersifat Malayan tetapi ketuanya adalah orang Melayu yang menjadi majoriti ahli Umno.

Onn tetap dengan ideanya menubuhkan satu parti untuk semua bangsa dengan kepentingan Melayu sebagai keutamaan. Independence of Malaya Party (IMP) diasaskan tiga minggu selepas beliau meninggalkan Umno.

Ia dilancarkan pada 16 September 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur. Beliau percaya parti itu patut dilaksanakan bagi mengatasi masalah perkauman yang melanda politik Tanah Melayu.

Bagaimanapun, IMP yang membuka keahlian kepada semua kaum tidak mendapat sambutan terutama daripada orang Melayu di peringkat akar umbi.

Pada 1954, IMP dibubarkan dan Onn menubuhkan Parti Negara. Parti Negara adalah ancaman yang lebih besar kepada Umno kerana sungguhpun keahliannya terbuka kepada semua kaum, pendiriannya lebih memihak kepada isu-isu Melayu.

Syor kerakyatan MKT Umno-CLC teras perpaduan kaum

GERAKAN menuntut kemerdekaan yang diperjuangkan Datuk Onn Jaafar dan Umno bermula dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 1948.

Melalui pembentukan ini, tiada lagi nama Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri Selat serta kesatuan dalam pentadbiran dan identiti fizikal adalah asas yang menjadi dasar kepada perjuangan mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Bagaimanapun, kerjasama Umno dan Inggeris dalam membentuk Perjanjian Persekutuan 1948 tidak disetujui beberapa pihak seperti Parti Komunis Malaya (PKM) dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).


Kedua-dua parti itu mengancam keselamatan politik dan ekonomi Inggeris dan Umno kerana mereka menuntut kemerdekaan dan mahu mendirikan kerajaan sendiri.

Oleh itu, Inggeris terpaksa menerima banyak kehendak Umno dan raja Melayu bagi mendapat sokongan dan kerjasama dalam pentadbiran dan politik Tanah Melayu.

Onn dan Umno bekerjasama dengan Inggeris kerana dalam mengatasi pengaruh PKMM dalam masyarakat Melayu, manakala Inggeris pula mengharap kerjasama itu untuk menentang PKMM dan Majlis Tindakan Bersama se-Tanah Melayu (AMCJA).

PKMM menentang Umno sejak ia keluar daripada Umno berikutan perbezaan ideologi. PKMM yang berhaluan kiri menolak Perjanjian Persekutuan kerana ia tidak memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

Kecaman hebat PKMM ke atas Onn yang kononnya gagal memerdekakan Tanah Melayu pada 29 Disember 1946 menyebabkan Onn membidas kecaman dengan mendakwa orang Melayu masih belum cukup terlatih untuk menguruskan sebuah negara merdeka pada 10 Januari 1947.



ASAL KETURUNAN: Susur galur keturunan keluarga Onn Jaafar.

(Putera) pada 22 Februari 1947 untuk menentang Onn dan Umno dengan lebih tegas.

Putera yang kemudian bergabung dengan AMCJA pada September 1947 kemudian mendesak supaya Perlembagaan Rakyat diadakan sebagai ganti kepada cadangan Jawatankuasa Kerja Persekutuan.

Penentangan orang bukan Melayu dalam AMCJA berpunca daripada rasa tidak puas hati dengan dasar pro-Melayu dalam cadangan Jawatankuasa Kerja itu serta keinginan kerakyatan yang digunakan dalam Malayan Union dikekalkan untuk membentuk bangsa Melayu.

PKM yang bercita-cita untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai negara komunis pula bertindak menjadi penentang pelbagai parti politik bukan Melayu. Bagaimanapun, apabila tindakan secara perlembagaan gagal, PKM melancarkan gerakan bersenjata.


Walaupun menerima pelbagai ten-

tangan daripada gabungan ini, Inggeris tetap mengesyharkan penentangan perlembagaan Persekutuan pada 21 Januari 1948.

Gerakan PKM yang menghuru-harakan Tanah Melayu memperlihatkan adanya masalah politik perkauman yang sangat genting di Tanah Melayu dan permusuhan yang berterusan itu tidak akan menjamin ketenteraman awam dan politik Tanah Melayu.

Pada Januari 1949, satu siri perundingan politik antara semua kaum bermula dengan tujuan untuk mencari penyelesaian politik menghasilkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perhubungan Kaum (CLC).

CLC mencadangkan beberapa perkara yang terkandung dalam Malayan Union iaitu mencadangkan kerakyatan Jus Soli diterima sebagai dasar kerakyatan persekutuan dan tempoh kerakyatan permohonan dipendekkan.



KETIKA BELAJAR: Onn Jaafar (kanan) bergambar bersama putera YMM Sultan Ibrahim, (dua dari kanan) Tengku Ahmad, Tengku Abu Bakar, YTM Tengku Ismail dan rakan sekolah ketika menuntut di England.

Ahli Umno terutama ahli bersekutu menolak cadangan CLC dalam Persidangan Agung Umno di Hotel Majestic, Kuala Lumpur pada 20 Mei 1950. Mereka juga mengancam Onn kerana terbabit dalam CLC berkenaan.

Walaupun Majlis Kerja Tertinggi (MKT) Umno membuat pindaan kepada cadangan CLC, tentangan ahli bersekutu Umno lebih menjurus kepada Onn sebagai pemimpin Umno. Mereka melihat Onn akan melemahkan kedudukan politik orang Melayu dengan dasar kerakyatan itu.

Cadangan MKT Umno-CLC itu kemudian diterima ahli Umno apabila mereka berhadapan dengan masalah peletakan jawatan Onn sebagai Yang Dipertua Umno. Onn terpaksa dipujuk dan sebagai balasannya, Umno menerima cadangan kerakyatan MKT Umno-CLC.

Umno membincangkan sekali lagi pada Jun 1950 dan menambah syarat

kelahiran ibu atau bapa bagi anak yang dilahirkan di Negeri-negeri Melayu untuk menjadi rakyat Raja Melayu.

Bagi mereka yang tidak dilahirkan di sini, boleh memohon tetapi dalam tempoh masa tertentu dan sanggup mengangkat sumpah taat setia kepada Raja-raja Melayu.

Semua itu dinamakan State Nationality 1952. Ia bererti kerakyatan Jus Soli bersyarat diberikan kepada bukan Melayu sebagai rakyat Raja Melayu dan adalah pertama kali secara perundangan orang bukan Melayu diiktiraf sebagai rakyat Raja Melayu.

Kelonggaran kerakyatan Jus Soli itu adalah asas pembentukan kerakyatan kebangsaan yang sangat penting untuk melahirkan perasaan patriotisme kepada Tanah Melayu memandangkan selama ini, penduduk Tanah Melayu berpecah-pecah dengan perasaan kebangsaan, orientasi politik dan kebudayaan serta aspirasi yang berbeza.